



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA SITUASI TERKINI MPOX DI MALAYSIA

Satu (1) kes baharu jangkitan mpox dilaporkan pada 10 Januari 2025, menjadikan jumlah keseluruhan kes mpox sebanyak 12 kes sejak Julai 2023. Sebanyak sembilan (9) kes dilaporkan pada tahun 2023, dua (2) kes pada tahun 2024 dan satu (1) kes bagi tahun 2025. Kesemua kes yang dilaporkan merupakan *clade II*.

Kes baharu ini melibatkan seorang lelaki warganegara berusia 24 tahun yang terlibat dalam aktiviti berisiko dan mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara dalam tempoh 21 hari. Pesakit telah mendapatkan rawatan pada 10 Januari 2025, kini berada dalam keadaan stabil dan sedang menerima rawatan di hospital.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus memantau situasi mpox di dalam dan luar negara, dan perkembangan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Orang ramai dinasihatkan untuk **mengikuti perkembangan rasmi terus daripada saluran yang sah dengan mengikuti akaun-akaun media sosial KKM.**

Untuk maklumat lanjut juga, **soalan lazim (FAQ)** berkenaan mpox boleh dicapai di pautan berikut:

mpox.moh.gov.my/ms/soalan-lazim

#BersamaMencegahMpox

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

11 JANUARI 2025

MAKLUMAT TAMBAHAN

BERKENAAN MPOX

Mpox ialah sejenis jangkitan disebabkan oleh virus mpox, iaitu spesis di bawah genus Orthopoxvirus. Jangkitan boleh berlaku antara manusia ke manusia **melalui sentuhan rapat secara langsung dengan ruam atau lepuh pada kulit individu yang mempunyai gejala dan tanda jangkitan mpox.** Jangkitan juga boleh berlaku melalui pendedahan kepada **cecair respiratori semasa hubungan intim.**

Gejala mpox ialah demam berserta ruam ‘*maculopapular rash*’ atau ruam lepuh pada muka, tapak tangan, tapak kaki, kemaluan, konjunktiva dan juga kornea. Tempoh pengeraman (*incubation period*) iaitu tempoh daripada terdedah kepada jangkitan sehingga individu menunjukkan gejala jangkitan mpox adalah antara lima (5) hingga ke 21 hari. Individu positif jangkitan mpox boleh menjangkiti orang lain sehari sebelum gejala muncul dan sehingga semua lepuh telah kering sepenuhnya. Lazimnya **kes mpox akan sembuh sendiri tanpa sebarang rawatan khusus.**

KKM ingin menyarankan kepada orang ramai untuk turut serta mengambil tindakan secara proaktif untuk mengelakkan jangkitan mpox seperti berikut:

- i. Individu berisiko tinggi yang bergejala mpox seperti demam, bengkak kelenjar limfa dan ruam/lepuh perlu segera mendapatkan pemeriksaan dan rawatan di fasiliti kesihatan terdekat;
- ii. Elakkan bersentuhan secara langsung dengan individu yang disyaki atau disahkan dijangkiti mpox termasuk hubungan seksual;
- iii. Mengamalkan kawalan kesihatan sendiri seperti mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman (hand sanitiser);
- iv. Semua individu yang ingin melawat ke negara-negara yang melaporkan mpox dinasihatkan agar sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat dan mengelakkan aktiviti berisiko; serta
- v. Semua pengembara yang tiba dari negara-negara yang melaporkan mpox dinasihatkan untuk memantau status kesihatan sendiri setiap hari termasuk gejala jangkitan mpox bagi tempoh selama 21 hari dari tarikh ketibaan di Malaysia.